



## SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 1982

Tuan,

### SKIM PERKHIDMATAN JURUTAIP

#### 1. Tujuan

1.1 Tujuan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini ialah untuk melaksanakan satu skim perkhidmatan yang seragam bagi Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan yang mengandungi gred-gred gaji Tingkatan Biasa dan Tingkatan Khas untuk menggantikan gred-gred gaji yang berasaskan kepada kemahiran.

#### 2. Skim Perkhidmatan yang Baru

2.1 Skim perkhidmatan pada [Lampiran "A"](#) di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah hasil daripada persetujuan yang dicapai antara Kerajaan dengan kesatuan-kesatuan yang mewakili Jurutaip berikutan dengan cadangan yang dibuat oleh Tribunal Perkhidmatan Awam dalam pembicaraan Kes Rujukan Tribunal Perkhidmatan Awam Bil. 19 dan 20 Tahun 1980.

2.2 Tarikh kuatkuasa Skim Perkhidmatan Jurutaip yang baru ini ialah daripada 1hb Julai, 1982. Dengan terkeluarnya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, maka segala urusan pengambilan dan kenaikan pangkat bagi Jurutaip hendaklah berdasarkan kepada Skim Perkhidmatan Jurutaip yang baru ini.

2.3 Di bawah Skim Perkhidmatan Jurutaip yang baru ini perlantikan adalah dibuat ke Tingkatan Biasa D11: \$300X15-330/345x15-450x20-470x25-520/570x25-670 dan mempunyai gred kenaikan pangkat Tingkatan Khas yang mempunyai tanggagaji D3: \$670x25-720x30-870.

2.4 Ciri-ciri tingkatan yang dipakai dalam Skim Perkhidmatan Jurutaip sebelum dari skim perkhidmatan di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan ini tidak lagi digunakan. Walau bagaimanapun ciri-ciri kemahiran yang berasaskan kepada kebolehan menaip yang teruji adalah masih dikekalkan bagi tujuan menentukan matagaji permulaan dan prestasi menjalankan tugas seharian.

2.5 Walaupun seorang Jurutaip boleh menerima hadiah kenaikan tahunan tertakluk kepada peraturan di bawah [Perintah Am Bab A](#), skim perkhidmatan di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan ini mengandungi satu skim insentif yang memberi hadiah kenaikan istimewa yang diasaskan kepada prestasi yang teruji selepas pengesahan. Bagi maksud memperolehi menafaat hadiah kenaikan istimewa itu, Jurutaip dalam Tingkatan

Biasa yang telah disahkan, kecuali Jurutaip dalam Tingkatan 1 di dalam skim perkhidmatan sebelum dari Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, yang berpindah ke tanggagaji Tingkatan Biasa, boleh mengambil ujian kederasan menaip sepertimana yang ditetapkan di bawah perenggan 8 dalam Skim Perkhidmatan Jurutaip yang baru. Hadiah kenaikan istimewa di bawah skim insentif ini adalah di samping kenaikan tahunan yang dilayaki.

#### 3. Opsyen Berpindah ke Skim Perkhidmatan di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan ini

3.1 Dengan terkeluarnya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, semua Jurutaip yang sedang berkhidmat adalah diberi opsyen untuk menerima atau tidak Skim Perkhidmatan Jurutaip yang baru ini **dalam tempoh 3 bulan mulai daripada 1hb Julai, 1982**. Bagi tujuan ini Borang Opsyen yang disertakan di [Lampiran "B"](#) kepada Surat Pekeliling ini hendaklah digunakan.

3.2 Selepas tamat tempoh 3 bulan yang tersebut di perenggan 3.1 di atas, Jurutaip dalam perkhidmatan yang tidak membuat opsyen atau yang membuat opsyen tidak dengan terus-terang atau yang membuat opsyen dengan bantahan atau dengan bersyarat adalah dianggap sebagai tidak menerima skim perkhidmatan di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dan adalah dianggap sebagai mempunyai keinginan untuk terus tinggal dalam skim perkhidmatan yang berkuatkuasa sebelum daripada Surat Pekeliling Perkhidmatan ini. Dalam hubungan ini skim perkhidmatan di bawah [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1980](#) hendaklah dianggap sebagai jumud (dying) dan Jurutaip Yang tertakluk kepada skim perkhidmatan yang jumud ini tidak layak menikmati faedah yang dibekalkan di bawah Skim Perkhidmatan pada [Lampiran "A"](#) Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.

3.3 Walau apa pun yang tersebut di perenggan 3.2 di atas, Jurutaip yang tertakluk di bawah skim perkhidmatan di bawah [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1980](#) dengan cara yang dikhaskan untuk penyandang hanya layak ditimbang bagi kenaikan pangkat Tingkatan Khas dalam skim perkhidmatan di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan ini tertakluk kepada syarat bahawa ia:

- (a) telah berada di matagaji yang paling tinggi dalam tanggagaji bagi skim perkhidmatan khas untuk penyandang itu; atau
- (b) telah lulus Peperiksaan Khas di bawah Skim Perkhidmatan Jurutaip; dan
- (c) mendapat Sijil Akuan dari Ketua Jabatannya bahawa dari segi prestasi kerja dan kelakuan ia telah menunjukkan potensi untuk maju dalam perkhidmatan seterusnya.

#### **4. Peraturan Pindah ke Skim Perkhidmatan di Lampiran "A"**

4.1 Jurutaip yang memilihterima untuk tertakluk kepada skim perkhidmatan di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan ini akan dipindahkan gajinya daripada tanggagaji yang dinikmati sekarang ke tanggagaji di bawah skim perkhidmatan di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan ini menurut sifir-sifir pemindahan seperti di [Lampiran "C"](#) dan ["D"](#) kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.

4.2 Adalah dijelaskan bahawa tarikh kenaikan gaji Jurutaip yang berpindah ke tanggagaji Tingkatan Biasa atau Tingkatan Khas adalah tidak berubah. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada peruntukan di dalam perenggan 5.2 dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977](#), mereka yang berada pada matagaji maksima D15 atau D7 selama satu tahun atau lebih pada tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan yang baru ini, tarikh kenaikan gaji mereka adalah ditetapkan pada 1 haribulan yang berikutan dengan tarikh kuatkuasa skim perkhidmatan yang baru.

4.3 Perhatian adalah ditarik bahawa penentuan matagaji apabila berpindah ke Skim Perkhidmatan Jurutaip di bawah skim perkhidmatan sebelum Surat Pekeliling Perkhidmatan ini sebelum daripada opsyen.

#### **5. Ujian Kederasan Jurutaip di bawah Skim Perkhidmatan Sekarang**

Jurutaip Tingkatan III dan Tingkatan II yang sedang berkhidmat adalah diberi peluang terakhir bagi mengambil ujian kederasan mengikut Skim Perkhidmatan Jurutaip yang dipakai sebelum daripada Surat Pekeliling Perkhidmatan ini untuk ditempatkan ke gred yang lebih tinggi sebelum membuat opsyen kepada Skim Perkhidmatan Jurutaip bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.

#### **6. Susunan Kekanan**

6.1 Adalah perlu dinyatakan bahawa susunan kekananan Jurutaip-jurutaip yang membuat opsyen kepada Skim Perkhidmatan Jurutaip yang baru ini adalah tidak berubah sebagaimana dalam Skim Perkhidmatan sekarang

## **7. Jawatan Tingkatan Khas**

7.1 Sukacita juga dijelaskan bahawa pengujudan jawatan Tingkatan Khas mengikut skim perkhidmatan yang baru ini hendaklah berdasarkan kepada kriteria-kriteria seperti penyeliaan dan kegunaan mesin yang khas. Pembayaran elaun tidak berpencen akan ditetapkan atas kadar tertentu oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dari masa ke semasa.

## **8. Peruntukan Am**

8.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah juga meliputi Perkhidmatan Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan. Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan/Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun dan Kuasa Tempatan adalah diminta menyampaikan kandungan surat dan Skim Perkhidmatan Jurutaip yang baru ini kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam hal ehwal perkhidmatan dan perjawatan untuk tindakan sewajarnya dan juga kepada pengetahuan semua Jurutaip yang terlibat.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(MAHMUD BIN TAIB)  
*Bahagian Perjawatan,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.*

*1hb April 1982.*

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri,

Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan, Cawangan Sabah.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan, Cawangan Sarawak.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi.

Ketua Setiausaha, Perbendaharaan Malaysia.

Ketua Odit Negara.

Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun.

Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.

**SKIM PERKHIDMATAN****JURUTAIP**

TARIKH KUATKUASA: 1hb Julai 1982  
Jawatan

KUMPULAN: D  
Tanggagaji

Tingkatan Biasa.	D11: \$300x15-330/345x15-450x20-470x25-520/ 570x25-670
Tingkatan Khas	D 3: \$670x25-720x30-870

1. Calon-calon lantikan terus hendaklah berumur tidak melebihi 25 tahun. Calon-calon daripada pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap, termasuk mereka dalam percubaan hendaklah berumur tidak melebihi 50 tahun. UMUR
2. Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: KELAYAKAN  
MASUK
  - (a) (i) Lulus Sijil Rendah Pelajaran, atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
  - (ii) Lulus Sijil Perdagangan Malaysia dengan kelulusan taip-menaip;
  - (b) Lulus Ujian Menaip seperti yang dinyatakan dalam perenggan 4 di bawah; dan
  - (c) Kepujian Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Permohonan-permohonan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha , Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang berkenaan. PERMOHONAN
4. (a) Calon-calon dikehendaki mengambil satu Ujian Menaip dan lulus dengan mencapai kederasan paling rendah 25 p.s.m. daripada naskah bertulis yang jelas dan 30 p.s.m. daripada naskah bercetak atau bertaip. Kesilapan mestilah tidak lebih daripada 4%. UJIAN MASUK
  - (b) Calon-calon yang memiliki Sijil Perdagangan Malaysia dengan mendapat kelulusan taip-menaip dalam kedua-dua fasa:
    - (i) Sijil Kecekapan; dan
    - (ii) Sijil Ujian Laju pada Peringkat Pertengahan atau Peringkat Tinggi, boleh dikecualikan daripada Ujian Menaip yang disyaratkan itu.
  - (c) Calon-calon yang memiliki sijil Perdagangan Malaysia dengan kelulusan Peringkat Pertengahan adalah layak dilantik atas matagaji \$345 dan Peringkat Tinggi atas matagaji \$390.
5. Calon-calon yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam percubaan di antara 1 hingga 3 tahun. TEMPOH  
PERCUBAAN

- |     |   |   |
|-----|---|---|
| 6.  | Jurutaip boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan seperti yang ditetapkan oleh ketua Jabatan.   | LATIHAN   |
| 7.  | Jurutaip dalam percubaan yang telah: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) menamatkan tempoh percubaan dengan memuaskan, dan</li> <li>(ii) diperakukan oleh Ketua Jabatan,</li> </ul> adalah layak disahkan dalam jawatan.   | PENGESEHAN<br>DALAM<br>JAWATAN                                      |
| 8.  | (a) Jurutaip yang telah disahkan dalam jawatan adalah layak mengambil ujian kederasan bagi maksud hadiah kenaikan gaji mulai dari tarikh kenaikan gaji tahunan yang kehadapan berasaskan <i>kederasan yang dicapai pada kali yang pertama</i> . <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Kebolehan menaip dengan kederasan paling rendah 35 p.s.m. daripada naskah bertulis yang jelas dan 40 p.s.m. daripada naskah bercetak atau bertaip.</li> <li>(ii) Kebolehan menaip dengan kederasan paling rendah 45 p.s.m. daripada naskah bertulis yang jelas dan 50 p.s.m. daripada naskah bercetak atau bertaip.</li> </ul> | UJIAN<br>KEDERASAN  |
|     | (i) Kebolehan menaip dengan kederasan paling rendah 35 p.s.m. daripada naskah bertulis yang jelas dan 40 p.s.m. daripada naskah bercetak atau bertaip.  | 2 kenaikan  |
|     | (ii) Kebolehan menaip dengan kederasan paling rendah 45 p.s.m. daripada naskah bertulis yang jelas dan 50 p.s.m. daripada naskah bercetak atau bertaip.   | 4 kenaikan  |
|     | (b) Jurutaip yang telah mengambil ujian kederasan dan hanya mencapai kederasan mengikut perenggan (a) (i) di atas adalah dibenarkan mengulangi ujian bagi mencapai kederasan yang ditetapkan di perenggan (a) (ii) pula. Mereka yang berjaya layak mendapat 2 hadiah kenaikan gaji lagi mulai dari tarikh kenaikan gaji tahunan yang kehadapan.   |   |
|     | (c) Ujian kederasan ini hendaklah diadakan oleh Ketua Jabatan 2 kali setahun. Peraturan-peraturan bagi ujian kederasan menaip serta cara pemarkahannya akan ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam.  |   |
| 9.  | Jurutaip yang telah disahkan dalam jawatan dan yang telah berjaya mencapai kederasan dalam perenggan 8 (a) (ii) adalah layak menduduki Peperiksaan Khas Jurutaip bagi peningkatan ke Tingkatan Khas.  | PEPERIKSAAN<br>UNTUK<br>KENAIKAN<br>PANGKAT KE<br>TINGKATAN<br>KHAS |
| 10. | Jurutaip yang telah: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) disahkan dalam jawatan,</li> <li>(b) lulus Peperiksaan Khas,</li> <li>(c) berkhidmat selama tidak kurang daripada 8 tahun, dan</li> <li>(d) mendapat Sijil Akuan dari Ketua Jabatannya bahawa dari segi prestasi kerja dan kelakuannya ia telah menunjukkan potensi untuk maju dalam perkhidmatan seterusnya.</li> </ul> adalah layak ditimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Khas yang kosong.  | KENAIKAN<br>PANGKAT KE<br>JAWATAN<br>JURUTAIP<br>TINGKATAN<br>KHAS  |

11. Jurutaip adalah layak menerima elaun-elaun tidak berpencen seperti yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dari masa ke semasa. **ELAUN TIDAK BERPENCEN**

BORANG OPSYEN

Nama .....

Alamat .....

.....

.....

Tarikh .....

Setiausaha,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,  
Jalan Cenderawasih,  
Kuala Lumpur  
Melalui dan salinan Ketua Jabatan

.....  
.....  
.....  
.....

Tuan,

Permohonan Pertukaran Perkhidmatan dari Skim Perkhidmatan Jurutaip yang dikeluarkan melalui [S.P.P. Bil. 5/80](#) ke Skim Perkhidmatan Jurutaip yang baru yang dikeluarkan melalui S.P.P. Bil .....Tahun 1981

Adalah saya diarah merujuk kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil ..... Tahun 1982 mengenai perkara di atas dan dengan ini membuat pilihan seperti berikut :

- (i) Bersetuju membuat pilihan untuk memasuki Skim Perkhidmatan Jurutaip yang baru dengan syarat-syarat yang ditetapkan seperti di Lampiran ..... "ATAU
- (ii) Tidak bersetuju membuat pilihan untuk memasuki Skim Perkhidmatan Jurutaip yang baru tetapi terus kekal di bawah Skim Perkhidmatan Jurutaip yang ada sekarang.

2. Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya faham dengan keputusan yang diambil dan bersetuju opsyen itu tidak boleh dibatalkan.

Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,

.....  
(tandatangan)

Catitan: Hendaklah diisi dalam ..... salinan.

LAMPIRAN A

Syarat-syarat Pertukaran Perkhidmatan daripada Skim  
Perkhidmatan.....  
yang lama kepada Skim Perkhidmatan bagi  
..... yang baru

1. ....yang  
berkhidmat secara tetap  
yang sekarang dalam tanggagaji.....adalah  
dibenarkan memasuki  
jawatan.....dalam Skim Perkhidmatan bagi  
Perkhidmatan.....  
yang baru atas tanggagaji.....pada matagaji yang  
ditetapkan. Tarikh  
kenaikan gaji adalah tidak berubah.
2. Pegawai-pegawai yang berkenaan yang ditukarkan ke dalam  
jawatan..... akan  
tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan perkhidmatan yang diperuntukkan dalam  
skim per-  
khidmatan bagi Perkhidmatan .....  
yang baru.
3. Jika pegawai-pegawai tetap yang ditukarkan ke dalam Skim perkhidmatan baru  
tersebut telah  
disahkan dalam jawatannya sekarang, mereka tidak dikehendaki berkhidmat dalam  
tempoh per-  
cubaan lagi.
4. Pegawai-pegawai yang belum disahkan dalam jawatan sekarang adalah  
dikehendaki men-  
jalani baki tempoh percubaan yang belum disempurnakannya, dan tertakluk kepada  
syarat-syarat  
pengesahan dalam jawatan mengikut skim yang baru.
5. Kekananan pegawai-pegawai tetap yang memilih masuk ke dalam skim  
perkhidmatan baru  
adalah dikira daripada tarikh mereka dilantik ke jawatan mereka sekarang (Asal).



## SIFIR PEMINDAHAN GAJI

1. PERKHIDMATAN/JAWATAN	KEMENTERIAN/JABATAN
(a) Jurutaip	Pelbagai Jabatan
2. TANGGAGAJI	
(i) Tanggagaji Sekarang	D15: \$300x15-375/390x15-420x25-445/ 470x25-570
(ii) Tanggagaji Baru	D11: \$300x15-330/345x15-450x20-470x 25-520/570x25-670
3. SIFIR PEMINDAHAN GAJI	

GajiSekarang	Gaji Baru
\$ c.	\$ c.
300.00	300.00
315.00	315.00
330.00	330.00
345.00	345.00
360.00	360.00
375.00	375.00
390.00	390.00
405.00	405.00
420.00	420.00
	435.00
445.00	450.00
470.00	470.00
495.00	495.00
520.00	520.00
545.00	
570.00	570.00
	595.00
	620.00
	645.00
	670.00

## SIFIR PEMINDAHAN GAJI

1. PERKHIDMATAN/JAWATAN	KEMENTERIAN/JABATAN
(a) Jurutaip Tingkatan Khas	Pelbagai Jabatan
2. TANGGAGAJI	
(i) Tanggagaji Sekarang	D7: \$570 x 25-670
(ii) Tanggagaji Baru	D3: \$670 x 25-720 x 30-870
3. SIFIR PEMINDAHAN GAJI	
Gaji Sekarang	Gaji Baru
\$ c.	\$ c.
570.00	670.00
595.00	695.00
620.00	720.00
645.00	750.00
670.00	780.00
	810.00
	840.00
	870.00